

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7197

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) statistik bilangan pendatang tanpa izin dan pekerja asing yang terlibat dalam kes jenayah; dan
- (b) apakah pelan tindakan pihak kementerian dalam memastikan statistik jenayah yang melibat warga asing ini dapat dikawal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak polis sentiasa memberi perhatian yang serius dalam membendung kegiatan jenayah yang melibatkan warga asing sama ada yang datang untuk melancong atau yang bekerja ke negara ini. Walaupun perangkaan jenayah yang dilakukan oleh warga asing ini masih lagi kecil jika dibandingkan keseluruhan jenayah Indeks bagi seluruh negara, jika tidak dikawal atau dibendung ianya boleh membawa kemudaratan kepada kesejahteraan dan keharmonian rakyat tempatan.

Statistik penglibatan warga asing yang terlibat dalam kes jenayah indeks bagi tahun 2012 sehingga 2014 (Ogos) di seluruh negara seperti berikut:-

KESALAHAN	(INDEKS)	TAHUN	PERATUS	(INDEKS)	TAHUN	PERATUS	(INDEKS)	JAN-OGOS	PERATUS
	TAHUN 2012	2012 (W.ASING)		TAHUN 2013	2013 (W.ASING)		JAN-OGOS 2014	2014 (W.ASING)	
JENAYAH KEKERASAN :									
BUNUH	602	66	11.0	627	216	34.4	338	167	49.4
ROGOL	2,964	52	1.8	2,718	145	5.3	1,525	138	9.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	110	34	30.9	98	160	163.3	59	108	183.1
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	16,738	333	2.0	16,647	1,694	10.2	9,226	1,008	10.9
SAMUN BERSENJATAPI	17	5	29.4	21	32	152.4	14	10	71.4
SAMUN TANPA S/API	3,275	156	4.8	3,565	676	19.0	2,170	377	17.4
MENCEDERAKAN	6,244	133	2.1	5,699	492	8.6	3,730	498	13.4
JUMLAH	29,950	779	2.6	29,375	3,415	11.6	17,062	2,306	13.5
JENAYAH HARTABENDA :									
CURI	24,299	257	1.1	21,405	1,576	7.4	13,005	1,871	14.4
CURI MOTOKAR	16,196	25	0.2	16,733	740	4.4	8,532	568	6.7
CURI MOTOSIKAL	51,259	149	0.3	49,133	2,257	4.6	28,450	1,252	4.4
CURI VAN/LORI/J'BERAT	4,526	5	0.1	4,981	75	1.5	2,727	78	2.9
CURI RAGUT	2,500	36	1.4	2,118	643	30.4	1,706	318	18.6
PECAH RUMAH DAN CURI	24,939	324	1.3	23,317	4,885	21.0	13,547	3,103	22.9
JUMLAH	123,719	796	0.6	117,687	10,176	8.6	67,967	7,190	10.6
JUMLAH JENAYAH INDEKS	153,669	1,575	1.0	147,062	13,591	9.2	85,029	9,496	11.2

Bagi menjawab soalan (b), antara pelan tindakan yang diambil oleh Kementerian dan pihak PDRM adalah seperti berikut:-

- i) Mengadakan operasi bersepadau dengan agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Imigresen, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia;
- ii) Menghantar lebih ramai lagi pegawai serta anggota tambahan ke kawasan-kawasan yang kerap menjadi tumpuan warga asing;

- iii) **Meningkatkan operasi besar-besaran untuk membanteras kegiatan jenayah di kawasan tumpuan warga asing;**
 - iv) **Mewujudkan Balai / Pondok Polis di kawasan yang mempunyai kekerapan kejadian jenayah melibatkan warga asing;**
 - v) **Mengadakan lebih kerap aktiviti-aktiviti lain seperti perjumpaan dengan kumpulan masyarakat untuk meningkatkan lagi serta menyedarkan semua lapisan masyarakat mengenai peranan mereka dalam membantu membanteras jenayah;**
 - vi) **Mengadakan kerjasama yang erat di antara polis dengan kerajaan tempatan dan lain-lain agensi Kerajaan seperti JKKK / Daerah, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen untuk bersama-sama bekerja ke arah mengurangkan serta membanteras kegiatan jenayah;**
 - vii) **Meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tertentu untuk membantu mengesan penjenayah;**
 - viii) **Mengadakan Operasi Bersepadu dengan Jabatan Imigresen / RELA untuk mengesan dan menangkap PATI dengan lebih kerap;**

- ix) **Mengambil cap jari (biometrik) semua pekerja asing untuk rekod melalui program 6P supaya kemasukan kali kedua dapat dikesan dan juga untuk pendaftaran dalam rekod jenayah.**